

029 METOD PENENTUAN DAN PENGANALISISAN QIRAAT DALAM KARYA-KARYA TAFSIR.

Ikmal Zaidi bin Hashim

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

ikmalzaidi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kewujudan qiraat dalam tafsir tidak dapat dinafikan. Pelbagai karya tafsir muktabar memuatkan pelbagai wajah qiraat dengan pelbagai tujuan dan fungsi. Ini membuktikan legitimasi qiraat sebagai hujah dalam mentafsirkan Al-Quran. Walau bagaimanapun kepelbagaian qiraat yang mempunyai kriteria berbeza boleh mendatangkan masalah disebabkan tidak semua karya tafsir menjelaskan kriteria qiraat yang dimuatkan sama ada *mutawātirah* mahu pun *shādhah*. Ini boleh mengakibatkan pengkaji tersilap dalam mengutamakan qiraat yang *shādhah* melebihi qiraat *mutawātirah* khasnya dari segi penghujahan. Untuk itu kertas ini mendedahkan metode berupa beberapa kaedah dalam menentukan qiraat yang pelbagai di samping kaedah menganalisis data-data berkenaan qiraat bersumberkan rujukan yang muktabar dalam disiplin ilmu Qiraat.

Kata Kunci: Tafsir, Qiraat, Metod Penentuan, Penganalisisan

PENDAHULUAN

Dalam sebarang kajian atau penyelidikan, metod penentuan subjek merupakan metod yang tidak boleh dilupakan. Ia menjadi asas kepada satu-satu kajian untuk memastikannya tidak tersasar daripada matlamat kajian tersebut. Metod ini biasanya diaplifikasi sebelum metod pengumpulan data dilakukan oleh seseorang penyelidik atau pengkaji. Dalam konteks kajian mengenai qiraat dalam karya-karya tafsir, mengenalpasti qiraat yang dimuatkan dalam teks tafsir sangat penting dan signifikan bagi proses seterusnya iaitu mengkategorikan semua qiraat yang ditemukan jika perlu atau qiraat tertentu yang dipilih sebagai sampel kajian. Semua qiraat yang telah dikenalpasti kategori dan statusnya menjadi data dan fakta yang dianalisis berdasarkan teori ilmu *Tawjīh al-Qirā'āt*

dalam mencari asas-asas penghujahan yang diaplikasikan oleh pentafsir seterusnya melihat implikasi kepelbagaian dan variasi qiraat terhadap pentafsiran Al-Quran.

KEBERADAAN QIRAAT DALAM KARYA-KARYA TAFSIR

Legitimasi qiraat sebagai hujah dalam mentafsirkan Al-Quran tidak dapat dinafikan lagi. Sejak zaman sahabat lagi kepelbagaian wajah qiraat menjadi faktor kepada variasi pentafsiran yang saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Mujahid ibn Jabr (m. 104H) yang merupakan murid kepada ^cAbd Allāh ibn ^cAbbās r.a berkata: “Jika aku terlebih dahulu membaca dengan qiraat Ibn Mas^cūd sebelum aku bertanya kepada ibn ^cAbbās nescaya aku tidak perlu bertanya banyak soalan kepadanya” (Dr. al-Dhahabī, 2003: 33).

Oleh yang demikian para pentafsir Al-Quran disyaratkan agar menguasai ilmu Qiraat sebelum menceburи bidang pentafsiran Al-Quran khasnya jika pentafsirannya beraliran *al-Ra'y*. Pengetahuan seseorang mufassir terhadap ilmu Qiraat akan membolehkannya melakukan *tarjih* iaitu memilih dan mengutamakan pentafsiran tertentu berdasarkan wajah qiraat (Dr. al-Dhahabī, 2003: 191). Jika dilihat dari sudut sejarah keberadaan qiraat dalam karya tafsir yang lengkap telah pun bermula seawal karya Abū Ja^cfar Muḥāmmad ibn Jarīr al-Ṭabarī (m. 310H) iaitu *Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān*. Pengarang mempunyai pendekatan tersendiri dalam menjadikan qiraat sebagai hujah pentafsirannya. Antara pendekatannya yang agak kontroversi ialah melakukan *tarjih* terhadap wajah qiraat tertentu sedangkan semuanya qiraat yang berstatus *mutawātirah* yang tidak sewajarnya diutamakan mana-mana wajah. Namun isu ini telah pun dijawab oleh para ulama dengan panjang lebar (Ḥusayn al-Ḥarbi, 1996: 98)

Selain al-Ṭabarī, ramai lagi *mufassirūn* yang memuatkan qiraat dalam karya mereka dan menjadikannya sebagai hujah pentafsiran mereka. Walau bagaimanapun mereka berbeza dari sudut pendirian dan pendekatan. Jika disenaraikan karya-karya tafsir yang muktabar sama ada yang beraliran *al-Athāri* / *al-Ma'thūr* mahu pun *al-Ra'y* boleh dikatakan hampir tiada karya tafsir yang tidak memuatkan fakta-fakta mengenai qiraat. Antara karya-karya tafsir beraliran *al-Athāri* / *al-Ma'thūr* selain al-Ṭabarī:

1. *Bahr al-^cUlūm* karya Abū al-Layth Naṣr ibn Muḥammad al-Samarqandī (m. 373H). Karya ini tidak banyak membawakan qiraat.
2. *Al-Kashf wa al-Bayān ^can Tafsīr al-Qur’ān* karya Abū Ishaq Aḥmad ibn Ibrāhīm al-Tha’labī (m. 427H).
3. *Ma^cālim al-Tanzīl* karya Abū Muḥammad al-Ḥusayn ibn Maṣūd al-Baghawī (m. 510H).
4. *Al-Muḥarrar al-Wajīz fī Tafsīr al-Qur’ān al-^cAzīz* karya Abū Muḥammad ^cAbd al-Ḥaqq ibn ^cAṭiyyah al-Andalusī (m. 546H).
5. *Tafsīr al-Qur’ān al-^cAzīm* karya ^cImād al-Dīn Ismā‘il ibn ^cAmr ibn Kathīr (m. 774H).
6. *Al-Jawāhir al-Hisān fī Tafsīr al-Qur’ān* karya Abū Zayd ^cAbd al-Raḥmān ibn Muḥammad al-Tha’labī (m. 876H).
7. *Al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr al-Ma’thūr* oleh Imam Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (m. 911H).

Selain karya-karya di atas, karya-karya beraliran *al-Ra’y* juga memuatkan pelbagai qiraat sebagai hujah dalam pentafsiran mereka. Antaranya ialah:

1. *Mafātiḥ al-Ghayb* atau disebut juga sebagai *al-Tafsīr al-Kabīr* karya Fakhr al-Dīn Abū ^cAbd Allāh Muḥammad ibn ^cUmar al-Rāzī (m. 606H).
2. *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta’wīl* karya Nāṣir al-Dīn ^cAbd Allāh ibn ^cUmar al-Bayḍāwī al-Shāfi‘ī (m. 691H).
3. *Madārik al-Tanzīl wa Haqā’iq al-Ta’wīl* karya Abu al-Barakāt ^cAbd Allāh ibn Aḥmad al-Nasafī al-Ḥanafī (m. 701H). Tafsir ini hanya membawakan Qiraat Tujuh sahaja.
4. *Lubāb al-Ta’wīl fī Ma^cān al-Tanzīl* karya ^cAlā’ al-Dīn ^cAlī ibn Muḥammad al-Khāzin (m. 741). Terdapat wajah qiraat yang sedikit sahaja dalam karya ini.
5. *Al-Bahr al-Muhiṭ* karya Abū Ḥayyān Athīr al-Dīn Abū ^cAbd Allāh Muḥammad ibn Yūsuf al-Andalusī (m. 745H).
6. *Gharā’ib al-Qur’ān wa Raghā’ib al-Furqān* karya Niẓām al-Dīn ibn al-Ḥasan ibn Muḥammad ibn al-Ḥusayn al-Khurasānī al-Naysabūrī (m. 850H).

7. *Tafsīr al-Jalālayn* karya Jalāl al-Dīn al-Mahallī (m. 864H) dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (m. 911H).
8. *Al-Sirāj al-Munīr fī al-Īānah Ḩalā Marifah Baqd Maāni Kalām Rabbīnā al-Hakīm al-Khabīr* karya Shams al-Dīn Muḥammad ibn Muḥammad al-Sharbīnī (m. 977H). Karya ini hanya memuatkan qiraat *mutawātirah* sahaja.
9. *Irsyād al-Āql al-Salīm ilā Mazāyā al-Kitāb al-Karīm* karya Abū al-Su'ūd Muḥammad ibn Muḥammad ibn Muṣṭafā al-Imādī (m. 982H). Qiraat dalam karya ini dinyatakan dengan ringkas sahaja.
10. *Rūh al-Maāni fī Tafsīr al-Qurān al-Āzīm wa al-Sab' al-Mathānī* karya Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd Afandī al-Alūsī (m. 1720H).

Ringkasnya wujudnya qiraat yang pelbagai dalam karya-karya tafsir membuktikan keprihatinan para *mufassirūn* terhadap kehujahan dan penghujahan qiraat. Ia menjadi sebahagian daripada metod pentafsiran Al-Quran yang muncul seawal zaman sahabat r.a lagi. Cuma terdapat kekurangan iaitu terdapat kecenderungan sebahagian kecil ahli tafsir yang mengingkari sesetengah wajah qiraat disebabkan hujah tatabahasanya yang pada mereka kelihatan lemah dan tidak boleh diterima seperti yang dilakukan oleh al-Ṭabarī dan Ibn Qutaybah (Bāzamūl, 1996:241). Kecenderungan ini boleh menyebabkan qiraat tersebut dianggap lemah sedangkan ia qiraat *mutawātirah* yang mempunyai nilai *riwāyah* yang tinggi. Selain itu setiap penulis karya-karya tafsir di atas mempunyai pendekatan berbeza dalam menentukan jenis qiraat pilihan mereka. Dalam kalangan mereka ada yang hanya menjadikan qiraat *mutawātirah* (qiraat tujuh dan sepuluh) sahaja sebagai hujah walau pun kebanyakannya turut memasukkan qiraat *shādhah* bahkan ada yang tidak langsung menyandarkan qiraat yang disebutkan kepada mana-mana imam qiraat. Walau bagaimanapun kesemua mereka lebih memberi fokus wajah-wajah qiraat yang memberi kesan pentafsiran khasnya yang menyentuh perbezaan nahu dan *i'rāb* walau pun berbeza bentuk penerangan iaitu sama ada secara ringkas mahu pun secara terperinci.

METOD PENENTUAN QIRAAT

Menentukan qiraat bermaksud mengenal pasti data dan fakta daripada teks tafsir yang dikaji. Wajah-wajah qiraat yang telah dikenal pasti selepas itu hendaklah

dikategorikan sama ada ia termasuk dalam qiraat yang *mutawātirah* atau dalam qiraat *shādhah*. Kepentingan metod ini ialah untuk memastikan keabsahan data dan fakta mengenai qiraat yang diambil daripada teks tafsir, memilih data-data yang sesuai khasnya berkaitan dengan pentafsiran dan membuktikan kehujahan qiraat yang terdapat dalam karya tersebut.

Kaedah Mengenalpasti Qiraat

Mengenalpasti qiraat dalam teks tafsir bukan sesuatu yang sukar. Satu-satunya kaedah dalam mengenal pasti qiraat dalam teks tafsir ialah melalui istilah dan terminologi yang digunakan oleh pengarang. Istilah-istilah yang biasanya digunakan bagi merujuk kepada qiraat ialah yang berkata dasar (قراءة) dan perkataan-perkataan yang berseperti، (اختيار) ¹ dan حرف (حرف) ².

Kesimpulannya fakta-fakta qiraat dalam teks tafsir secara keseluruhan terdiri daripada beberapa elemen:

- Cara bacaan atau qiraat
- Qari atau Imam yang dinisbahkan qiraat tersebut
- Status qiraat sama ada *mutawātirah* atau *shādhah*
- Alasan dan hujah (*tawjīh*) bagi setiap qiraat yang dinyatakan

Walau bagaimanapun kebanyakan pentafsir tidak konsisten dalam memenuhi kesemua elemen di atas. Ini disebabkan mereka lebih menumpukan kepada aspek penghujahan berbanding periwayatan.

Kaedah Mengenalpasti *tawjīh al-Qirā'āt*

Maksud mengenalpasti *tawjīh al-Qirā'āt* ialah menentukan data dan fakta dalam teks qiraat yang memperjelaskan alasan dan hujah bagi setiap wajah qiraat yang

¹ Ia bermaksud pemilihan qiraat oleh seseorang qari daripada semua qiraat yang diriwayatkannya dan menjadikannya satu aliran bagi dirinya sendiri. Lihat (Qābah, 1999: 27).

² Ia mempunyai banyak maksud. Dalam konteks ini, ia bermaksud qiraat atau bacaan.

dinyatakan. Ini penting kerana tidak semua qiraat dalam teks tafsir diperjelaskan *tawjihnya*. Ini disebabkan oleh sebahagian pengarang yang hanya mahu menonjolkan wajah-wajah yang berlainan daripada riwayat Ḥafṣ ḥāfiẓ an-Nāṣīḥ. Oleh itu *tawjih al-Qirā’at* boleh ditentukan dengan melihat keterangan-keterangan yang biasanya disebut selepas satu-satu wajah qiraat dinyatakan. Keterangan-keterangan tersebut kadang kala diberikan secara ringkas dan kadang kala dihuraikan dengan panjang lebar khasnya apabila ia memberikan kesan kepada makna ayat dan pentafsirannya. Ia biasanya melibatkan unsur *lughawiyyah* seperti *iqrāb*, *taṣrīf*, *ishtiqāq*, *balāghah* dan sebagainya yang memperjelaskan justifikasi satu-satu wajah qiraat tersebut tanpa melihat unsur periwayatan qiraat tersebut sama ada *mutawātirah* atau *shādhah*.

Kaedah Pengkategorian Qiraat

Mengkategorii qiraat bermaksud mengasingkan pelbagai qiraat yang terdapat dalam teks tafsir kepada dua kategori yang utama iaitu qiraat *mutawātirah* dan qiraat *shādhah*. Dalam banyak teks tafsir, pengarang kurang memfokuskan hal ini kerana mereka lebih menumpukan unsur penghujahan. Untuk itu menjadi tanggungjawab pengkaji qiraat dalam teks tafsir untuk menyaring semua wajah qiraat yang ditemukan dalam teks tafsir kajiannya. Walau pun kebanyakan ulama tidak mempersoalkan kehujahan qiraat *shādhah* tetapi mereka juga sepakat bahawa qiraat *mutawātirah* itu lebih utama daripada qiraat *shādhah*. Selain itu terdapat juga qiraat dalam karya tafsir yang dinisbahkan kepada para sahabat dan tabiin. Penisbahan itu bermaksud wajah-wajah qiraat tersebut pernah dibaca oleh sahabat dan tabiin. Penisbahan itu tidak bermaksud qiraat tersebut berstatus *mutawātirah* dan untuk menentukannya perlu kepada pengkategorian yang sebenar. Di samping itu terdapat juga wajah qiraat yang tidak dinisbahkan kepada mana-mana Imam qiraat dengan hanya menggunakan lafadz *tamrīd* iaitu (تمريد). Qiraat seumpama ini tidak menunjukkan ia qiraat *shādhah* sehingga dikenalpasti kategori sebenarnya.

Kaedah Mengenalpasti Qiraat *Mutawātirah*

Dalam mengenalpasti satu-satu qiraat sebagai *mutawātirah* ia mestilah dirujuk kepada karya-karya yang mengumpulkan semua qiraat *mutawātirah* sama ada Qiraat Tujuh mahu pun Qiraat Sepuluh. Antara rujukan muktabar dalam Qiraat Tujuh ialah:

1. *Al-Tabṣ irah fī al-Qirā'āt al-Sab'* karya Makkī ibn Abi Ṭālib al-Qaysī (m. 437H).
2. *Al-Taysīr fī al-Qirā'āt al-Sab'* karya Abū 'Amr 'Uthmān ibn Sa'id al-Dānī (m. 444H).
3. *Al-Kāfi fī al-Qirā'āt al-Sab'* karya Abū 'Abd Allāh Muḥammad ibn Shurayh al-Ru'aynī al-Ashbīlī (m. 476H).
4. *Al-Iqnā' fī al-Qirā'āt al-Sab'* karya Abū Ja'far Aḥmad ibn 'Alī al-Anṣārī ibn al-Bādhish (m. 540H).
5. *Hirz al-Amāni wa Wajh al-Tahāni fī al-Qirā'āt al-Sab'* karya Al-Qāsim ibn Firruh ibn Khalaf ibn Aḥmad al-Shāṭibī (m. 590H). Karya yang juga dikenali sebagai *Matn al-Syātibiyah* ini berbentuk *manzūmah* bersumberkan *al-Taysīr* karya Abū 'Amr al-Dānī. Ia mendapat tempat di kalangan para ulama selepas itu dengan terhasilnya pelbagai karya berbentuk huraiyan (*sharh*), ringkasan (*mukhtaṣar*) dan penambahan (*zā'id*).

Selain itu antara rujukan muktabar dalam Qiraat Sepuluh ialah yang dihasilkan oleh Abū al-Khayr Muḥammad ibn Muḥammad atau lebih terkenal sebagai Ibn al-Jazārī (m. 833H) yang berjudul *Al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr* yang juga ditulis dalam bentuk matan iaitu *Tayyibah al- Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*. Selain itu beliau juga menulis sebuah lagi karya berkaitan iaitu *Taqrīb al- Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr*.

Kaedah Mengenalpasti Qiraat *Shādhdhah*

Cara yang paling mudah untuk mengenalpasti qiraat *shādhdhah* ialah memastikan ia selain daripada qiraat *mutawātirah*. Namun lebih baik jika ia dirujuk kepada karya-karya yang mengumpulkan qiraat *shādhdhah* seperti dua karya tersohor ini iaitu *Al-Muhtasab fī Tabyīn Wujūh Shawādh al-Qirā'āt wa al-Idāh 'anhā* karya Abū al-Fath 'Uthmān ibn

Jinnī (m. 392H) dan *Itḥāf Fuḍalā'* al-Bashar bi al-Qirā'āt al-Arba'ah 'Ashar Aḥmad ibn Muḥammad al-Bannā al-Dumyāṭī (m. 1118H). Selain itu kewujudan pelbagai *muṣḥaf* qiraat pada hari ini sememangnya memudahkan para pengkaji dalam mengkategorikan qiraat. Salah satunya ialah *Al-Muyassar fī al-Qirā'āt al-Arba'ah 'Asharah* yang dimuatkan di tepi *muṣḥaf* atau dikenali sebagai *hāmish*. Ia memuatkan semua qiraat *mutawātirah* dan qiraat *shādhah* yang empat itu.

METODE PENGANALISISAN QIRAAT

Menganalisis data-data mengenai qiraat dalam teks tafsir dilakukan berdasarkan objektif satu-satu kajian atau penyelidikan. Biasanya kajian yang berkaitan qiraat bersifat tekstual kualitatif. Mungkin juga ia bersifat kuantitatif misalnya pengiraan kuantiti dan kekerapan wajah-wajah qiraat yang pelbagai, kekerapan penggunaan istilah-istilah tertentu yang membantu dalam pengkategorian qiraat, pengulangan nama-nama tokoh tafsir tertentu yang dirujuk dalam membahaskan qiraat dan sebagainya yang bertujuan mencari pengertian dan tafsiran sebenar disebalik perbincangan dan perbahasan pengarang tafsir tersebut (Idris Awang, 2009: 33).

Dalam konteks kajian kualitatif, biasanya metode umum yang diaplikasikan dalam gerak kerja menganalisis data ialah induktif (*istiqrā'*) dan deduktif (*istinbāt*). Dalam konteks kajian mengenai qiraat dalam tafsir, pendekatan induktif digunakan dalam menganalisa wajah-wajah qiraat yang pelbagai yang dikenalpasti dalam teks tafsir sehingga jelas sesuatu dapatan yang bersifat rumusan dan kesimpulan. Contohnya dalam mengkaji kecenderungan pengarang tafsir mengenai pengkategorian qiraat, pendirian pengarang dalam isu-isu seperti penghujahan qiraat *mutawātirah*, kehujahan qiraat *shādhah*, pemilihan qiraat yang diberikan *tawjīh* dan sebagainya. Ringkasnya metode induktif bermaksud pengemukaan data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan bersifat umum. Manakala pendekatan deduktif pula bermakna pengemukaan penyataan bersifat umum seterusnya memberikan bukti-bukti yang menjadi hujah bagi penyataan itu. Dalam pendekatan deduktif penyelidik menggunakan teori yang telah ada dan difahami secara mendalam sebagai rangka kerja untuk melaksanakan kajiannya.

Contohnya dalam mencari bukti asas penghujahan qiraat dalam tafsir. Para pengkaji terdahulu telah menggagaskan teori bahawa penghujahan qiraat biasanya berasaskan ilmu-ilmu berkaitan bahasa seperti Nahu, *Sarf*, *Balāghah*, *Aṣ wāt* dan *Lahajāt*. Maka tugas pengkaji terkemudian menggunakan teori yang sama dalam mengkaji tafsir yang dijadikan sampel kajian mereka. Begitu juga dalam mengkaji implikasi qiraat dalam tafsir. Teori yang sedia ada seperti teori oleh Ahmad Bāzamūl (1996: 398) telah pun menyenaraikan implikasi-implikasi yang dimaksudkan.

KAEDAH MENGKAJI KESAN QIRAAT PADA PENTAFSIRAN

Dalam mengkaji kesan kepelbagaian qiraat terhadap pentafsiran Al-Quran, pengkaji sewajarnya mengenal pasti dan menyenaraikan wajah-wajah qiraat yang terdapat dalam teks tafsir yang dikaji. Penyenaraian tersebut berdasarkan sekurang-kurangnya dua kategori iaitu *mutawātirah* dan *shādhah*. Tujuannya ialah untuk membuktikan keabsahan wajah-wajah qiraat yang dijadikan hujah dalam pentafsiran. Ia seumpama pendekatan *takhrij* bagi hadis. Hadis yang *sahīh* dan *ḥasan* pasti lebih berautoriti daripada hadis yang *daīf*. Begitu juga qiraat *mutawātirah* pasti lebih absah dan berautoriti daripada qiraat *shādhah*. Setelah itu pengkaji hendaklah mengasingkan antara wajah qiraat yang diberikan *tawjīh* dan yang tidak disertakan *tawjīh*. Ini kerana hanya qiraat yang disertakan *tawjīh* sahaja yang mengandungi unsur penghujahan. Seterusnya pengkaji dikehendaki meneliti setiap satu ayat Al-Quran yang mengandungi wajah qiraat yang disertakan *tawjīh* tersebut. Tafsir yang dikemukakan oleh pengarang hendaklah diteliti jika ia menyentuh wajah qiraat dalam ayat tersebut. Terdapat *tawjīh* yang tidak memberi kesan kepada makna ayat seperti yang hanya menyentuh unsur *al-Šawtiyyah* atau Fonologi. Ia hanya memperlihatkan kepelbagaian sebutan yang melambangkan kepelbagaian dialek atau *al-Lahajāt*. Fokus diberikan kepada wajah-wajah qiraat yang membawa kepada variasi pentafsiran ayat. Berdasarkan apa dinyatakan oleh Ahmad Bazamul (1996: 399) implikasi qiraat kepada pentafsiran itu meliputi perkara-perkara berikut:

- Implikasi qiraat dalam memperjelaskan makna ayat
- Implikasi qiraat dalam memperluaskan konteks ayat

- Implikasi qiraat dalam menghilangkan kekeliruan tentang makna ayat
- Implikasi qiraat dalam menonjolkan kepelbagaian gaya bahasa (*uslūb*)
- Implikasi qiraat dalam menerangkan kepelbagaian hukum Fiqh

KESIMPULAN

Kajian dan penyelidikan mengenai qiraat masih belum meluas dalam kalangan pengkaji di Malaysia. Masih banyak ruang kajian yang boleh dipenuhi khasnya kajian yang mengintegrasikan qiraat dengan ilmu-ilmu lain. Dengan metod yang betul, qiraat mampu dijadikan subjek kajian yang menarik kerana ia memperkaya kefahaman dan mampu digagaskan menjadi teori tertentu dalam kajian yang melibatkan Al-Quran dan pentafsirannya.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Ḥalim ibn Muḥammad al-Hādī Qābah (1999), *al-Qirā’āt al-Qur’āniyyah : Tārikhuhā, Thubūtuhā, Ḥujjiyyatuhā wa Aḥkāmuhā*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmi.
- Dr. Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ḩusayn ibn ‘Alī al-Ḥarbī (1996), *Qawā’id al-Tarjīh ‘ind al-Mufassirīn*, Riyadh: Dār al-Qāsim.
- Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Muhammad ibn ‘Umar ibn Sālim Bāzamūl (1996), *al-Qirā’āt wa Atharuḥā fī al-Tafsīr wa al-Aḥkām*, j. 1. Riyadh: Dār al-Hijrah li al-Nasyr wa al-Tawzīc.